

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENILAIAN PELARASAN KADAR HARGA

Bil. Mesyuarat: 1/2022

Tempat: Bilik Perdana 1

Masa: 3.00 petang

Tarikh: 16 November 2022 (Rabu)

Kehadiran:

1. En. Mohamad Muzaffar Abdul Hamid	Pengarah	Pengerusi
2. En. Zaffrulla Hussein	Pengarah	Ahli
3. Pn. Siti Zurianah Othman	Pengurus Kanan	Ahli
4. En. Mohd Khairul Nazir Nawi	Pengurus Kanan	Urus Setia
5. Cik Nor Izzati Norhisam	Pengurus	Urus Setia

1.0 Perutusan Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengalu - alukan kedatangan dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang dapat hadir ke mesyuarat pada kali ini.
- 1.2 Mesyuarat ini merupakan mesyuarat pertama yang bertujuan untuk membincangkan pelarasan kadar harga gaji minimum untuk pembekal-pembekal perkhidmatan di MPC.
- 1.3 Mesyuarat ini adalah selaras dengan arahan Kementerian Kewangan Malaysia bagi meneliti dan membuat pengiraan kepada permohonan pembekal.

2.0 Pengesahan Minit Mesyuarat

- 2.1 Tiada perkara yang dibincangkan di dalam agenda ini.

3.0 Maklumbalas Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Pelarasan Kadar Harga

- 3.1 Tiada perkara yang dibincangkan di dalam agenda ini.

4.0 Mempertimbangkan Kertas Permohonan Pelarasan Gaji Minimum

- 4.1 Mesyuarat telah dimaklumkan terdapat 7 permohonan untuk pelarasan harga gaji minimum untuk dipertimbangkan dalam mesyuarat ini.

4.2 Permohonan adalah daripada:

4.2.1 Pejabat MPC Wilayah Sabah (SBO) untuk Perkhidmatan Pembersihan Ruang Pejabat di Perbadanan Produktiviti Malaysia Wilayah Sabah (MPC SBO);

4.2.2 Pejabat MPC Bahagian Utara (NRO) untuk Perkhidmatan Penyelenggaraan Kawasan Luar Pejabat (Landskap) di MPC Wilayah Utara dan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di MPC Wilayah Utara (NRO);

4.2.3 Pejabat MPC Wilayah Selatan (SRO) untuk Perkhidmatan Penyelenggaraan Mencuci dan Membersih Bangunan Pejabat di Kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan dan Perkhidmatan Penyelenggaraan Kawasan dan Lanskap untuk Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Pejabat Wilayah Selatan.

4.2.4 Pejabat MPC Wilayah Sarawak (SKO) untuk Perkhidmatan Mencuci dan Membersih Kompleks MPC Wilayah Sarawak dan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Kompleks MPC Wilayah Sarawak.

4.3 Mesyuarat telah meneliti permohonan daripada setiap pembekal dan mendapati tiada bukti kukuh seperti penyata daripada KWSP dan PERKESO yang membuktikan bahawa pelarasan gaji telah dibuat.

4.4 Pihak pembekal hanya memberikan penyata / slip gaji kepada pekerja masing-masing sebagai dokumen sokongan.

4.5 Mesyuarat telah bersetuju untuk memberikan kelulusan kepada permohonan ini dengan syarat dokumen sokongan iaitu penyata daripada KWSP dihantar ke MPC sebagai bukti, gaji minimum RM1,500.00 telah dikenakan berdasarkan % caruman di dalam penyata tersebut.

5.0 Penangguhan Mesyuarat

5.1 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.00 petang.

Disediakan oleh:



Nor Izzati Norhisam

Urus Setia

**Jawatankuasa Penilaian Pelarasan Kadar
Harga**

Tarikh: 17 Nov 2022

Disemak oleh:



Mohd Khairul Nazir Nawawi

Urus Setia

**Jawatankuasa Penilaian Pelarasan Kadar
Harga**

Tarikh: 17 Nov 2022

Disahkan oleh:



Mohamad Muzaffar Abdul Hamid

Pengerusi

**Jawatankuasa Penilaian Pelarasan Kadar
Harga**

Tarikh: 17 Nov 2022